

19 JAN 2000

Adnan-MT

TERPULANG KEPADA PERWAKILAN, KATA ADNAN

KUANTAN, 19 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini berkata beliau menyerahkan kepada perwakilan Umno dari seluruh negara untuk memikirkan sama ada beliau layak menduduki kerusi Majlis Tertinggi (MT) Umno pada pemilihan parti Mei ini.

"Kalau mereka anggap saya layak, mereka calonkan dan pilih saya, maka saya akan menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Kalau mereka anggap saya tak layak, tak calonkan saya dan tak pilih saya, maka saya terima juga," katanya kepada pemberita di sini.

Katanya, beliau mematuhi saranan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pemilihan Umno Mei ini dijalankan secara sihat tanpa sebarang kempen, penggunaan wang atau perkara-perkara yang boleh memecahbelahkan parti.

"Saya serahkan kepada perwakilan Umno dari seluruh negara untuk membuat ketentuan sama ada saya wajar duduk sebagai anggota MT," katanya lagi.

Mengenai laporan bahawa pengusaha pusat hiburan dari Terengganu kini mengalihkan tumpuan perniagaan mereka ke Gebeng di sini, Adnan berkata beliau menentang sebarang usaha untuk membuka pusat hiburan di Gebeng.

"Saya akan menyiasat banyak atau tidak pusat hiburan di Kuantan. Kalau pengusaha dari Terengganu nak datang ke Pahang, terutamanya di Gebeng, saya tidak akan membenarkannya," kata beliau.

Persatuan Pengguna Pahang (PAC) baru-baru ini mendedahkan bahawa kawasan Gebeng kini menjadi tumpuan pengusaha pusat hiburan dari Terengganu selepas kerajaan negeri itu mengarahkan premis sedemikian ditutup.

Presiden PAC Muhammad Sha'ani Abdullah berkata maklumat daripada pengurus hartanah di sini mendapati pengusaha terbabit kini berusaha menyewa premis di Gebeng untuk meneruskan operasi dan bersedia membayar berapa sahaja sewa yang dikenakan.

-- BERNAMA

ROS NMO